

**Tun Mahathir tiba untuk mempengerusikan mesyuarat Majlis Presiden PH
AstroAwani
21 Februari 2020
Hasimi Muhamad,**

PUTRAJAYA: Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Tun Dr Mahathir Mohamad tiba di Yayasan Kepimpinan Perdana bagi menghadiri mesyuarat Majlis Presiden PH, di sini pada Jumaat malam.

Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri tiba kira-kira 8.30 malam bagi mempengerusi mesyuarat tersebut.

Beliau yang memakai baju Merah menaiki kenderaan jenis proton Perdana berwarna hitam.

Ketibaan pemimpin berusia 94 tahun itu disambut dengan sorakan “Hidup Tun M” daripada penyokong Bersatu.

Selain Dr Mahathir, barisan kepimpinan tertinggi PH lain yang sudah tiba adalah Presiden PH, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Presiden Amanah Negara, Mohamad Sabu; dan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng.

Mesyuarat tertinggi badan PH itu dijangka bermula pukul 8.30 malam sebelum satu sidang media akan diadakan sekitar pukul 10.30 malam ini.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/tun-mahathir-tiba-untuk-mempengerusikan-mesyuarat-majlis-presiden-ph-231358>